

Keberkesanan Modul Eksplorasi Remaja Terhadap Pelajar Kursus Kokurikulum di Universiti Utara Malaysia (UUM)

**Siti Hadijah Che Mat
Hussin Abdullah**

Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, UUM COB
Universiti Utara Malaysia
hadijah@uum.edu.my

Fauzi Hussin

Pusat Pendidikan dan Bahasa Moden, UUM CAS
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman pelajar (UUM) yang mengikuti modul Eksplorasi Remaja terbitan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Tahap kefahaman pelajar diukur berdasarkan keputusan daripada pra-ujian (pre-test) dan post-ujian (post-test). Seramai 289 pelajar yang mengikuti kursus kokurikulum menggunakan modul Eksplorasi Remaja telah dipilih sebagai responden. Keputusan analisis ujian *paired sample test* bagi menentukan perbezaan tahap pengetahuan sebelum dan selepas mengikuti modul Eksplorasi Remaja menunjukkan tahap pemahaman pelajar secara keseluruhan meningkat berbanding tahap pengetahuan sedia ada mereka. Pengetahuan sedia ada responden berada pada tahap rendah dan sederhana. Tahap kefahaman adalah rendah bagi topik tentang orientasi seksual dan abstinensi serta perkara-perkara lain berkaitan perhubungan seks. Pengetahuan mereka tentang HIV/AIDS pula adalah sederhana.

Katakunci: Modul, Kokurikulum, Universiti Utara Malaysia, LPPKN.

PENGENALAN

Kursus kokurikulum Pembangunan Keluarga merupakan salah satu kursus kokurikulum yang baru ditawarkan kepada para pelajar ijazah pertama di Universiti Utara Malaysia. Kursus ini menggunakan sepenuhnya modul-modul yang dikeluarkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pusat Kokurikulum UUM menjadi perintis dalam menawarkan kursus Pembangunan Keluarga selama empat (4) semester. Modul Eksplorasi Remaja merupakan salah satu modul yang ditawarkan kepada pelajar yang mengambil kursus kokurikulum Pembangunan Keluarga pada semester pertama. Dalam modul ini pelajar diajar mengenali diri mereka agar menjadi insan yang mempunyai nilai dan akhlak yang tinggi.

PERMASALAHAN KAJIAN

Statistik negara ini pada tahun 2007 menunjukkan setiap hari, seramai 56 pasangan yang bercerai dan kadar ini meningkat setiap tahun, malah kebanyakan kes perceraian ini melibatkan pasangan muda. Pelbagai punca yang menyebabkan berlaku perceraian, tetapi apa yang lebih penting remaja perlu didedahkan dengan pelbagai pengetahuan dan maklumat yang berkaitan dengan persediaan perkahwinan agar selepas berkahwin kelak, remaja dapat menghadapi pelbagai masalah rumah tangga tanpa perlu melibatkan perceraian.

Persoalannya, adakah pelajar-pelajar universiti sudah mempunyai ilmu atau kemahiran yang mencukupi serta sudah menjadi insan yang berakhlak tinggi untuk menghadapi alam remaja serta alam berumahtangga? Adakah semua remaja di universiti mempunyai nilai, etika dan ciri-ciri keperibadian remaja yang sihat, inovatif, produktif,

kompetitif dan berdaya tahan menghadapi segala cabaran dan perubahan? Adakah mereka mempunyai pengetahuan dalam menghindari tingkah laku seksual yang berisiko sebelum mereka mendirikan rumah tangga?

Secara lebih khusus terdapat dua persoalan utama yang cuba di jawab dalam kertas kerja ini. Pertamanya sejauh manakah tahap pengetahuan sedia ada pelajar-pelajar kursus kokurikulum Pembangunan Keluarga berkaitan topik-topik yang diajar dalam modul Eksplorasi Remaja?; Kedua, sejauh manakah tahap kefahaman pelajar yang mengambil kursus kokurikulum Pembangunan Keluarga setelah mempelajari topik-topik dalam modul Eksplorasi Remaja?

Untuk itu kertas kerja ini akan membincangkan tahap kefahaman pelajar yang mengambil kursus Pembangunan Keluarga Modul Eksplorasi Remaja terbitan LPPKN bagi tahap sebelum menggunakan modul dan selepas menggunakan modul.

RINGKASAN MODUL EKSPLORASI REMAJA

Modul ini bertujuan membimbing remaja mengenali diri mereka agar menjadi insan yang mempunyai nilai dan akhlak yang tinggi. Berikut adalah ringkasan bagi topik-topik yang dibincangkan dalam Modul Eksplorasi Remaja

1) Pengenalan Diri Remaja

Topik ini bertujuan mewujudkan kemesraan di antara peserta dan fasilitator supaya mereka tidak berasa malu atau tertekan untuk menyertai setiap aktiviti di dalam modul. Aktiviti pengenalan ini akan meningkatkan kerjasama di kalangan peserta ketika mereka membuat perbincangan secara kumpulan.

2) Pembangunan Diri

Unit ini bertujuan memberi pengetahuan asas kepada remaja mengenai potensi dan kesedaran diri. Ianya dapat memberi pengetahuan asas kepada remaja mengenai potensi dan kesedaran diri mereka selain memberi bimbingan kepada peserta untuk mengamalkan komunikasi yang lebih berkesan bagi mengelakkan timbulnya salah faham dalam kehidupan. Melalui unit ini peserta akan dapat meningkatkan amalan berkomunikasi dengan ahli keluarga dan masyarakat dengan lebih baik.

3) Interaksi Berkeluarga

Unit ini diperkenalkan bertujuan menimbulkan kesedaran di kalangan generasi muda berkaitan dengan keutamaan peranan institusi keluarga dalam menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan individu. Penekanan ditumpukan kepada kasih sayang, rasa tanggungjawab, hormat-menghormati, mempertahankan maruah keluarga dan mengutamakan keluarga dalam sebarang situasi.

4) Nilai-nilai Murni

Memberi pendedahan dan simulasi kepada peserta mengenai realiti kehidupan yang memerlukan kemahiran pengurusan kehidupan, kemahiran sosial berkomunikasi dan lain-lain kemahiran. Peserta akan dapat mengenal pasti kebolehan, keupayaan dan potensi diri.

5) Jantina dan Gender

Unit ini memfokuskan kepada konsep jantina dan gender serta perbezaan gender yang menyebabkan berlakunya ketidaksamaan dan diskriminasi. Selepas mengikuti unit ini para peserta akan lebih memahami definisi dan perbezaan antara jantina dan gender serta sebab-sebab ketidakseimbangan gender.

6) Seksualiti: Nilai dan Tanggungjawab

Unit ini membincangkan definisi dan konsep seksualiti serta kesan dan tanggungjawab yang berkaitan. Selepas mengikuti unit ini, peserta akan lebih menyedari tentang nilai dan

tanggungjawab dalam kehidupan seharian. Seksualiti adalah salah satu aspek kehidupan dan menjadi sesuatu yang normal dalam proses perkembangan remaja sehingga akhir hayat. Perkembangan manusia sepanjang hayat berkait rapat dengan persepsi dan tindakan terhadap seksualiti. Hubungan seks hanyalah salah satu komponen kecil dalam konsep seksualiti.

7) *Tingkah Laku Yang Membawa Kepada Risiko Kehamilan*

Unit ini membincangkan tentang tingkah laku yang membawa kepada risiko kehamilan, HIV/AIDS dan penyakit jangkitan seksual. Kemahiran teknik penolakan bagi mengelak hubungan seksual yang berisiko seperti risiko penyakit jangkitan seksual dan HIV/AIDS serta kesannya kepada diri sendiri, pasangan dan keluarga dibincangkan dalam unit ini.

8) *Abstinen*

Unit ini memberi fokus kepada kebaikan abstinen iaitu teknik mengelak daripada melakukan hubungan seksual sebelum berkahwin. Elemen komunikasi berkesan mengenai abstinen akan dibincangkan dalam sesi ini melalui aktiviti main peranan. Unit ini menerangkan cara efektif untuk tidak melakukan hubungan seksual sebelum berkahwin.

9) *Kemahiran Menghindari Situasi Berisiko Tinggi*

Unit ini terbahagi kepada dua iaitu bagaimana menghindari situasi berisiko tinggi dan kemahiran teknik penolakan. Bagi menghindari situasi berisiko tinggi, unit ini memfokuskan kepada situasi yang dinamakan 'Amaran Seks dan Berwaspada' yang terbahagi kepada 'Amaran Kuning' dan 'Amaran Merah'. Peserta juga didedahkan kepada pengetahuan dan kemahiran sosial menggunakan lima (5) teknik penolakan yang efektif.

10) *Hidup Tanpa Keganasan*

Hidup tanpa keganasan ini memfokuskan kepada kefahaman dan kesedaran mengenai keganasan dengan menumpukan kepada aspek gangguan seksual dan rogol serta tindakan yang perlu diambil sekiranya ia berlaku.

SOROTAN KARYA

Aktiviti kokurikulum adalah berkaitan dengan pembelajaran di bilik darjah (Chickering & Reisser, 1997). Walaupun aktiviti-aktiviti kokurikulum dirujuk sebagai acara sosial untuk pelajar tetapi nilai pengalaman luar kelas bagi pelajar boleh diaplikasikan dalam bilik darjah. Kajian oleh Salmah Ayob (1992) mendapati penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum mempengaruhi kualiti kepimpinan, pembabitan kecergasan, kemahiran dan rekreasi, perhubungan antara ras dan kemahiran sosial, peningkatan prestasi akademik dan pengawalan diri pelajar. Menurut beliau, kokurikulum boleh melatih pelajar untuk mengawal diri apabila mereka berada dalam keadaan tertekan dan memupuk rasa ingin bersaing dan berjaya.

Ahmad, Jailani dan Noraini (2005) telah menjalankan kajian untuk meninjau persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Hasil kajian mendapati pelajar politeknik boleh membina kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum. Mohd Yusop, Yogeshwari dan Zurina (2008) mendapati tahap penguasaan responden dari segi tiga aspek kemahiran generik adalah tinggi. Kemahiran bekerja dalam kumpulan adalah paling tinggi dikuasai oleh responden, diikuti oleh kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran berkomunikasi.

Tchibozo (2007) telah menjalankan kajian terhadap kesan aktiviti kokurikulum kepada graduan melalui peralihan daripada pelajar pengajian tinggi kepada memasuki pasaran buruh. Data kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan *means of linear* dan *logistic regression model*. Hasil kajian menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum mempunyai pengaruh yang besar ke atas proses peralihan daripada seorang pelajar pengajian tinggi kepada pasaran buruh.

Eisa (1998) telah menjalankan kajian tentang faktor yang mendorong pelajar terlibat dalam aktiviti kokurikulum. Hasil kajiannya mendapati faktor kegiatan kokurikulum diwajibkan menjadi sebab utama pelajar melibatkan diri dalam kokurikulum (91.1%), diikuti dengan faktor ingin meluaskan pengalaman dan faktor ingin menambah ilmu pengetahuan.

Sidek dan Mohd. Ali (1998) telah menguji keberkesanan penggunaan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Beliau mendapati modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu telah dapat meningkatkan motivasi pencapaian di kalangan pelajar. Jamaludin et. al. (2005) telah menjalankan kajian bertujuan untuk menentukan keberkesanan modul Program Maju Diri (PMD) ke atas motivasi pencapaian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa modul PMD telah dapat meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Keputusan kajian juga membuktikan enam daripada 11 sub-modul PMD berjaya meningkatkan motivasi pencapaian pelajar.

Mohd Ali (1999) telah menjalankan kajian untuk melihat keberkesanan penggunaan modul motivasi dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar di beberapa buah sekolah menengah daerah Jelebu, Negeri Sembilan. Alat kajian yang digunakan ialah Ukuran Pencapaian Mehrabian dan Ujian Personaliti Sidek (trait pencapaian) yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Keputusan yang diperolehi daripada kajian menunjukkan terdapat keberkesanan penggunaan modul motivasi dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar.

Kajian oleh Kim (2006) bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kecekapan guru-guru dengan keluarga, termasuk mereka yang mempunyai latar belakang daripada pelbagai budaya dan linguistik (CLD). Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan modul latihan secara atas talian (*online*) kepada sikap guru. Hasil kajian mendapati modul latihan dalam talian berkesan meningkatkan pengetahuan profesional. Kajian juga menunjukkan semua peserta bekerjasama dengan keluarga, termasuk mereka yang mempunyai latar belakang daripada pelbagai budaya dan linguistik (CLD).

METODOLOGI

Kajian ini bertujuan menentukan tahap kefahaman pelajar yang menggunakan modul Eksplorasi Remaja. Selain analisis deskriptif untuk melihat taburan data seperti min, peratusan, perbandingan min skor serta analisis taburan silang (*crosstabs*) dan kaedah analisis statistik seperti *paired samples test* juga digunakan. Analisis *paired samples test* dijalankan bagi membandingkan tahap kefahaman responden terhadap kedua-dua modul sebelum (*pre-test*) dan selepas (*post-test*).

Sampel

Sampel kajian terdiri daripada 289 pelajar kursus kokurikulum Pembangunan Keluarga semester satu yang mengikuti modul Eksplorasi Keluarga. Tinjauan menggunakan soal selidik telah ditadbir dengan cara penyelidik menyerahkan sendiri borang soal selidik kepada pelajar-pelajar yang ditempatkan dalam satu dewan kuliah. Borang soal selidik diberikan kepada para pelajar berkenaan sebanyak dua (2) kali iaitu pada hari pertama kelas kokurikulum bermula (*pre*), manakala borang soal selidik akan diserahkan sekali lagi pada hari terakhir (*post*) kelas kokurikulum pada semester tersebut. Sebanyak 293 borang soal selidik telah diagihkan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti modul Eksplorasi remaja tetapi 289 soal-selidik yang dikembalikan dan diisi dengan lengkap dan boleh digunakan untuk dianalisis.

Data

Sebelum pengumpulan data dijalankan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Pengarah Pusat Pengurusan Inovasi Penyelidikan (*RIMC*) Universiti Utara Malaysia. Seterusnya satu kajian rintis (*pilot study*) telah dijalankan terhadap responden bagi tujuan mengenal pasti jika terdapat sebarang kekeliruan dan soalan yang bermasalah dalam item-item soal selidik. Kebolehpercayaan dan kesahan kandungan item-item yang terdapat dalam soal selidik juga diuji dalam ujian rintis ini (Moskal dan Leydens, 2000). Keputusan analisis *reliability test* bagi ujian rintis yang dijalankan mendapati nilai *alpha Cronbach* bagi kesemua

item yang digunakan melebihi nilai 0.08. Ini menunjukkan kesemua item tersebut adalah *reliable* dan boleh digunakan bagi tujuan kajian ini.

Pentadbiran soal-selidik untuk mengumpul data berkaitan keberkesanan modul Eksplorasi Remaja adalah menggunakan dua borang soal selidik yang berbeza. Soal selidik diedarkan sebanyak dua kali, iaitu sebelum kursus bermula (*pre-test*) dan selepas kursus berakhir (*post-test*). Kedua-dua dapatan *pre-test* dan *post-test* tersebut dibuat perbandingan min skor untuk menentukan tahap kefahaman pelajar terhadap topik-topik dalam modul Eksplorasi Remaja.

DAPATAN KAJIAN

Maklumat demografi bagi responden yang mengikuti modul Eksplorasi Remaja adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Hanya 10 responden (3.5%) lelaki, manakala selebihnya iaitu seramai 279 orang (96.5%) responden adalah perempuan yang mengikuti kursus ini. Kebanyakan responden lelaki didapati kurang berminat mengikuti kursus ini walaupun topik-topik dalam modul ini sangat menarik.

Analisis demografi responden berdasarkan kaum menunjukkan responden Melayu adalah paling ramai yang menyertai modul ini merangkumi 90.3% daripada keseluruhan. Penyertaan kaum Cina pula hanya sebanyak 14 responden (14.8%), diikuti responden kaum India 3.1 peratus manakala bagi kaum bumiputera lain sebanyak 1.0 peratus.

Responden bagi kursus Pembangunan Keluarga modul Eksplorasi Remaja yang berpendidikan peringkat STPM adalah lebih ramai iaitu sebanyak 67.5% (195 responden), diikuti responden yang memohon kemasukan menerusi kelulusan matrikulasi (23.2%) dan lulusan diploma (8.3%).

Bagi sebab kenapa responden memilih untuk menjalani kursus Pembangunan Keluarga, sebanyak 57.1% responden menyatakan mereka berminat, manakala sebanyak 21.5% responden mengikuti kursus ini kerana mengetahui faedah-faedah daripada kursus ini. Seramai 59 responden (20.4%) mengikuti kursus ini kerana ditetapkan oleh Pusat Kokurikulum disebabkan kemungkinan kursus-kursus kokurikulum yang lain yang ditawarkan pada semester berkenaan telah penuh.

Jadual 1: Demografi Responden Bagi Modul Eksplorasi Remaja

	Pembolehubah	Frekuensi	Peratusan
Jantina	Lelaki	10	3.5
	Perempuan	279	96.5
Bangsa	Melayu	261	90.3
	Cina	14	4.8
	India	9	3.1
	Bumiputera Lain	5	1.7
Kelayakan Masuk	Diploma	24	8.3
	Matrikulasi	67	23.2
	STPM	195	67.5
	STAM	3	1.0
Kenapa memilih Kursus ini?	Berminat	165	57.1
	Mengikut kawan	3	1.0
	Ditetapkan Pusat Kokurikulum	59	20.4
	Mengetahui faedah kursus ini	62	21.5

Jadual 2 menunjukkan analisis tabulasi silang (*crosstabs*) antara pembolehubah jantina responden dan pendidikan tertinggi sebelum memasuki UUM. Kajian menunjukkan responden paling ramai mengikuti modul ini adalah responden perempuan yang berkelulusan STPM iaitu seramai 189 orang (65.4%), diikuti responden perempuan lulusan matrikulasi iaitu seramai 65 orang (22.5%).

Jadual 2: Tabulasi Silang Antara Jantina Dan Kelulusan Masuk Responden

		Kelulusan Masuk				Jumlah
		Diploma	Matrikulasi	STPM	STAM	
Jantina	Lelaki	2	2	6	0	10
	Perempuan	22	65	189	3	279
Jumlah		24	67	195	3	289

Analisis Tahap Pengetahuan Sedia Ada Responden

Analisis tentang tahap pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan topik-topik dalam modul Eksplorasi Remaja adalah untuk menjawab persoalan kajian yang pertama. Terdapat 22 item berkaitan topik-topik dalam modul Eksplorasi Remaja yang dimasukkan dalam soal selidik. Tujuannya untuk menentukan tahap pengetahuan sedia ada pelajar tentang topik-topik berkenaan menggunakan soal selidik praujian (pre-test).

Penentuan tahap pengetahuan sedia ada pelajar adalah berdasarkan min skor bagi Skala Likert 5 mata. Tahap pengetahuan sedia ada pelajar dapat dibahagikan kepada sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi.

Jadual 3 menunjukkan tahap pengetahuan sedia ada responden bagi topik-topik yang terdapat dalam modul Eksplorasi Remaja. Secara keseluruhannya tahap pengetahuan sedia ada pelajar adalah rendah dan sederhana. Sebelum ini pelajar tidak begitu didedahkan dengan pengetahuan berkaitan komunikasi; kaedah penyelesaian masalah; peranan terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara serta perkara-perkara berkaitan seksualiti. Paling rendah adalah kefahaman mereka tentang orientasi seksual dan abstinensi (mengelak/tidak melakukan hubungan seks sebelum kahwin) serta perkara-perkara lain berkaitan perhubungan seks. Pengetahuan mereka tentang HIV/AIDS adalah sederhana kerana perkataan ini telah lama disebut dan sentiasa ditemui sama ada dalam akhbar, majalah atau mungkin dalam tajuk-tajuk karangan bahasa Melayu di sekolah.

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Sedia Ada Responden

Bil	Dimensi	Tahap Kefahaman
1	Pengetahuan tentang kekuatan (strength) dan kelemahan (weakness) diri sendiri.	Sederhana
2	Pengetahuan tentang maksud komunikasi <i>verbal</i> dan komunikasi <i>nonverbal</i> .	Rendah
3	Kefahaman tentang ciri-ciri komunikasi yang berkesan	Sederhana
4	Kefahaman tentang halangan-halangan dalam Komunikasi	Sederhana
5	Pengetahuan tentang cara-cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi diri sendiri	Sederhana
6	Pengetahuan anda tentang cara-cara untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh keluarga	Sederhana
7	Kefahaman tentang konsep nilai agama, sosial dan moral	Sederhana
8	Kefahaman tentang konsep nilai budaya dan bangsa	Sederhana
9	Pengetahuan tentang peranan kepada ibubapa/keluarga	Tinggi
10	Pengetahuan tentang peranan terhadap masyarakat dan negara	Sederhana
11	Kefahaman tentang perbezaan Jantina dan Gender	Sederhana
12	Kefahaman tentang maksud hak asasi manusia	Sederhana
13	Kefahaman tentang maksud seksualiti	Rendah

14	Kefahaman tentang Elemen-Elemen Seksualiti	Rendah
15	Kefahaman tentang faktor-faktor yang mempengaruhi Seksualiti	Rendah
16	Kefahaman tentang maksud orientasi seksual	Sangat rendah
17	Kefahaman tentang maksud abstinen (abstinence)	Sangat rendah
18	Pengetahuan tentang teknik-teknik penolakan dalam perhubungan seks	Rendah
19	Kefahaman tentang maksud HIV/AIDS	Sederhana
20	Pengetahuan bagaimana seseorang boleh dijangkiti HIV/AIDS	Sederhana
21	Pengetahuan tentang jenis-jenis penyakit jangkitan seksual	Sederhana
22	Pengetahuan tentang maksud Gangguan Seksual	Sederhana

Penilaian Tahap Kefahaman Responden

Penilaian tahap kefahaman pelajar terhadap modul Eksplorasi Remaja adalah untuk menjawab soalan kajian 2. Untuk menjawab soalan kajian ini, analisis ujian-t berpasangan (paired sample test) digunakan bertujuan membandingkan nilai min antara dua kumpulan pemboleh ubah yang berkaitan antara satu sama lain iaitu ujian sebelum (pre-test) dan ujian selepas (post-test).

Hipotesis ujian adalah seperti berikut;

H_0 : Tidak ada perbezaan dari segi tahap kefahaman pelajar antara sebelum dan selepas mengikuti modul Eksplorasi Remaja.

H_1 : Wujud perbezaan dari segi tahap kefahaman pelajar antara sebelum dan selepas mengikuti modul Eksplorasi Remaja.

Maklumat dalam jadual 4 menunjukkan ujian *Paired Samples Test* bagi pelajar yang mengikuti modul Eksplorasi Remaja. Lajur yang dilabelkan "Mean", "Std. Deviation", "Std. Error Mean", "95% Confidence Interval of the Difference" merujuk kepada perbezaan min, sisihan piawai, ralat piawai dan 95% selang keyakinan di antara dua larian tersebut. Lajur tiga terakhir menerangkan keputusan ujian t ujian sampel berpasangan, iaitu nilai-t, darjah kebebasan (df) dan aras keertian.

Jadual 4: Ujian-t Berpasangan bagi Tahap Pengetahuan Terhadap Modul Eksplorasi Remaja

		Paired Samples Statistics								
		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean					
Pair 1	PRETEST	2.7839	265	.70557	.04334					
	POSTEST	4.3443	265	.41044	.02521					
		Paired Differences								
		Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference		t	df	Sig. (2-tailed)	
					Lower	Upper				
Pair 1	PRETEST - POSTEST	-1.56038	.71652	.04402	-1.64704	-1.47371	-35.451	264	.000	

Kajian mendapati nilai $p (0.000) < 0.05$ menunjukkan hipotesis nol bahawa tidak ada perbezaan min skor antara sebelum dan selepas mengikuti modul Eksplorasi Remaja adalah ditolak. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min skor antara PRE-TEST (sebelum mengikuti modul Eksplorasi Remaja) dan POST-TEST (selepas mengikuti modul Eksplorasi Remaja). Ini menunjukkan tahap pemahaman pelajar secara keseluruhan terhadap topik-topik yang diajar dalam modul Eksplorasi Remaja telah meningkat berbanding tahap pengetahuan sedia ada mereka.

Berdasarkan nilai min dalam jadual *Paired Samples Statistics*, kita boleh membuat kesimpulan bahawa tahap pemahaman pelajar terhadap topik-topik dalam modul Eksplorasi Remaja telah meningkat selepas mengikuti modul selepas beberapa minggu. Secara statistik tahap pengetahuan responden terhadap topik-topik dalam modul Eksplorasi Remaja telah meningkat iaitu dari 2.784 ± 0.706 min skor kepada 4.344 ± 0.410 min skor ($P < 0.05$).

Tahap pemahaman pelajar berdasarkan subtopik penting dalam modul Eksplorasi remaja dapat diterangkan oleh Jadual 5. Min skor yang digunakan adalah berdasarkan Skala Likert 5-mata. Secara umumnya tahap kefahaman pelajar terhadap semua subtopik dalam modul Eksplorasi Remaja ini telah meningkat dengan ketara. Subtopik berkaitan seksualiti menunjukkan perubahan tahap pemahaman pelajar paling tinggi. Sebelum mengikuti modul Eksplorasi remaja (pre-test), min skor bagi subtopik seksualiti ialah 2.045 berbanding 4.360 selepas mengikuti modul berkenaan. Sebelum ini responden tidak didedahkan dengan maklumat berkaitan prinsip dan tanggungjawab dalam sebarang tingkahlaku seksual, termasuk bagaimana menghindari diri daripada melakukan seks sebelum kahwin (abstinen).

Jadual 5: Perbandingan Tahap Pengetahuan Responden Berdasarkan Subtopik Utama Modul Eksplorasi Remaja.

Subtopik	Min Skor	
	Sebelum (pre-test)	Selepas (post-test)
Komunikasi	2.619	4.171
Penyelesaian masalah	3.134	4.225
Kefahaman tentang nilai-nilai	3.215	4.240
Peranan terhadap diri/keluarga/ masyarakat/ negara	3.689	4.476
Seksualiti	2.045	4.360
HIV/AIDS	3.029	4.508

KESIMPULAN

Perbincangan tentang tahap pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan topik-topik dalam modul Eksplorasi Remaja menunjukkan pengetahuan sedia ada pelajar adalah pada tahap rendah dan sederhana. Sebelum ini pelajar tidak begitu didedahkan dengan pengetahuan berkaitan komunikasi, kaedah penyelesaian masalah, peranan terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara serta perkara-perkara berkaitan seksualiti. Paling rendah adalah kefahaman mereka tentang orientasi seksual dan abstinen (mengelak/tidak melakukan hubungan seks sebelum kahwin) serta perkara-perkara lain berkaitan perhubungan seks. Pengetahuan mereka tentang HIV/AIDS adalah sederhana kerana perkataan ini telah lama disebut dan sentiasa ditemui sama ada dalam akhbar, majalah, malah mungkin dalam tajuk-tajuk karangan Bahasa Malaysia semasa di sekolah.

RUJUKAN

- Ahmad Esa, Jailani Mohd. Yunus & Noraini Kaprawi. (2005) *Penerapan kemahiran kepimpinan menerusi kokurikulum di politeknik*. Fakulti Pendidikan Teknikal, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Jurnal Pendidikan.
- Ainor Izmira Maimun @ Mahmood. (2004). *Kajian keberkesanan penggunaan modul pembelajaran bagi mata pelajaran sistem elektronik 2 (E2002) bagi pelajar kejuruteraan elektrik di politeknik*. Tesis Master.
- Cheng, D. X. & Zhao. C. (2006). Cultivating multicultural competence through active participation: Extracurricular activities and multicultural learning. *NASPA Journal*, 43, 13-38.
- Chickering, A. W. & Reisser. L. (1997). Education and identity. In Arnold, K. & King, I.C. (Eds.), *College student development and academic life: psychological, intellectual, social, and moral issues* (pp. 2-20). New York: Garland Publishing, Inc.
- Eisa Mohd Shah (1998). *Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Maokil, Labis, Johor*. (Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia
- Hawariyah Rahim. (2005). *Keberkesanan modul kemahiran berfikir secara kritis dalam meningkatkan tahap pemikiran kritis di kalangan pelajar sekolah menengah teknik*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan), Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM.
- Jamaludin Ahmad *et. al.* (2005). *Keberkesanan modul program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Selangor*. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Johari Hassan & Sutinah A. Safar. (2010). *Pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kim, Kyeong-Hwa. (2006). *Enhancement of secondary special education teachers' knowledge and competencies in working with families through online training modules*. Tesis Doktor Falsafah.
- Mohd Ali Jaamat. (1999). *Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar di beberapa buah sekolah menengah daerah Jelebu Negeri Sembilan*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Yusop Ab Hadia, Ahmad Esab, Yogeshwari A/P Vinayagamc & Zurina Yasakd. (2008). Sumbangan kurikulum dan kokurikulum bagi penguasaan kemahiran generik terhadap Pelajar Tahun Akhir UTHM.
- Salmah Ayob (1992). *Pergerakan Kreatif dan Pendidikan*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schuh, J. H. (1989). A student development theory to practice workshop. *Journal of Counseling & Development*, 67, 297-298.
- Sidek Mohd Noah & Mohd Ali Jamaat. (1998). Keberkesanan modul perkembangan kerjaya bersepadu terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 6(1), pp. 63 – 70.
- Tchibozo, G. (2002). Extra-curricular activity and the transition from survey of graduates in the United Kingdom. *Higher Education Quarterly*, 61 (1), pp. 37-56.
- Thieke, W. S. (1994). Developmental change in freshmen students: Validating Chickering's theory of student development. *Online Submission*, (ERIC Document Reproduction Service No. ED375718). Retrieved November 9, 2008 from ERIC Databases.